



# PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

No. Pendaftaran 197201000959 (12557-W)

Ahli Kumpulan Pacific & Orient

Tingkat 11, Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

P. O. Box 10953, 50730 Kuala Lumpur. Laman : [www.poi2u.com](http://www.poi2u.com)

Telefon: 03-2698 5033 Faks: 03-2693 8145 Talian Bebas Tol: 1 800 88 2121

SST Registration No./ No. CP - W10-1808-31021805

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Insurans Semua Risiko Kontraktor.

Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

### Polisi Insurans Semua Risiko Kontraktor

Tarikh:

#### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini direka khusus untuk projek-projek kejuruteraan awam / kerja-kerja yang sedang dalam pembinaan. Ia adalah insurans 'semua risiko' yang menanggung rugi Pihak Yang Diinsuranskan terhadap sebarang kerosakan yang mungkin memberi kesan kepada harta yang diinsuranskan dan membayar ganti rugi kepada pihak ketiga semasa tempoh insurans.

#### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini meliputi:

- Seksyen 1 – Harta Dinsuranskan (Kerosakan Bahan)  
Kerugian atau kerosakan yang tidak diduga dari pelbagai akibat (selain daripada akibat yang khusus dikecualikan) yang mengakibatkan:
  - (i) membaiki atau penggantian harta atau sebahagiannya; dan
  - (ii) kos pembersihan serpihan.
- Seksyen 2 – Liabiliti Pihak Ketiga  
Jumlah yang perlu dibayar oleh anda dari segi undang-undang sebagai ganti rugi yang berbangkit dari:
  - (i) kecederaan badan atau penyakit (sama ada membawa maut atau tidak) kepada pihak ketiga;
  - (ii) kehilangan atau kerosakan kepada harta yang dimiliki oleh pihak ketiga;
  - (iii) semua kos dan perbelanjaan guaman yang diperolehi oleh mana-mana pihak yang menuntut daripada anda; dan
  - (iv) semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dengan kebenaran bertulis daripada syarikat insurans.

Tempoh perlindungan adalah bersamaan dengan tempoh kontrak yang dinyatakan di dalam surat anugerah.

#### 3. Berapa banyak premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada anggaran nilai kontrak dan keperluan pengunderaitan syarikat insurans.

#### 4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
▪ Komisen yang dibayar kepada ejen insurans	▪ 15% daripada premium
▪ Duti setem	▪ RM10
▪ Cukai Perkhidmatan (CP)	▪ 6% daripada premium

## 5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang saya harus ketahui?

- Kewajipan Pendedahan:
  - a) Kontrak Insurans Pengguna
    - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
    - Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
    - Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
    - Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
    - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
  - b) Kontrak Insurans Komersial
    - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
    - Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
    - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Anda dikehendaki menghubungi kami secara bertulis jika ada sebarang perubahan penting dalam risiko yang diinsuranskan.
- Anda hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kehilangan, kerosakan atau liabiliti dan mematuhi amalan kejuruteraan yang baik, keperluan berkanun dan cadangan pengilang dan mengekal dalam keadaan yang efisien semua kerja-kerja kontrak, pembinaan loji, peralatan dan mesin pembinaan yang diinsuranskan.
- Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan dibawah polisi ini, anda dikehendaki menghubungi kami dengan segera melalui telefon atau telegram dan juga secara bertulis dalam tempoh 14 hari dari tarikh kejadian.
- Anda mesti mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan, syarat-syarat, fasal dan pengendorsan polisi.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.*

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian, seperti:

- Peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diistiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, dahagi, rusuhan, mogok, 'lock-out', kekecohan awam, tentera atau rampasan kuasa, atau orang yang berniat jahat bertindak bagi pihak atau bersabitan dengan sebarang organisasi politik;
- Tindak balas nuklear, radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif;
- Perbuatan sengaja atau kecuaiian sengaja anda;
- Pemberhentian kerja sama ada secara keseluruhan atau sebahagian; dan
- Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh rekabentuk yang rosak.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.*

### **7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda berhak mendapat balik bayaran premium setelah ditolak premium dikira pada kadar jangka pendek.

### **8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?**

Ia adalah penting yang anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

### **9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans semua risiko kontraktor, anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan kami.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad  
 Tingkat 11, Wisma Bumi Raya,  
 No. 10, Jalan Raja Laut,  
 50350 Kuala Lumpur.  
 Tel : 03-2698 5033  
 Faks : 03-2693 8145  
 E-mel : [poi2u@pacific-orient.com](mailto:poi2u@pacific-orient.com)

### **10. Lain-lain jenis perlindungan insurans semua risiko kontraktor yang boleh didapati:**

- Tiada.

#### **NOTA PENTING:**

**ANDA MESTI PASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH YANG BOLEH DITUNTUT. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat tepat yang diperlukan adalah terkandung dalam kontrak polisi.

*Pacific & Orient Insurance Co. Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.*

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01.01.2021.